



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Akhbar

7 September 2021

CAP: Zoo adalah konsep kuno dalam era moden

Pandemik Covid-19 semasa mendedahkan cabaran serius kepada operasi zoo kerana ia pada umumnya hidup bergantung kepada kutipan masuk pengunjung, sewa, dan sokongan daripada penderma dan penaja. Perintah kawalan pergerakan menjejaskan dengan teruk hasil kutipan dan bantuan kewangan dan inilah apa yang kebanyakan zoo bergantung hidup.

Di negara kita sendiri, kos operasi tahunan bagi memelihara dua ekor panda gergasi dari China ialah RM2.25 juta pada 2015. Ini tidak termasuk kos untuk menyelenggara kira-kira 5,000 haiwan daripada pelbagai spesies yang berbeza.

Zoo wujud sejak sekian lama, seawal 2,500 SM. Ia diwujudkan sebagai koleksi persendirian oleh golongan kaya untuk menunjukkan keegoan dan kekuasaan mereka. Kini harinya sudah berlalu di mana anda hanya boleh melihat singa dan beruang polar sama ada dengan melawat zoo atau melawat habitatnya. Kini terdapat banyak gambar, video dan maklumat yang diperolehi dalam Internet.

Oleh sebab itu, zoo adalah perkara yang lepas di mana anda hanya boleh melihat dan mempelajari mengenai haiwan di tempat ini. Haiwan milik taman hidupan liar bukannya dalam kepungan malah jika kepungan itu tidak di kelilingi oleh parit, atau kandang besi. Ia seharusnya bebas merayau dalam habitat semula jadinya.

Di dapati bahawa walaupun keperluan fizikal haiwan ini dipenuhi dalam tawanan, keadaan kurungan dan pendedahan kepada kehadiran manusia mendorong kepada tekanan fisiologi. Tekanan ini menjejaskan kemampuan haiwan untuk metabolisme bahan toksik, menentang jangkitan, dan membiak.

Ciri lain di kebanyakan zoo ialah persembahan oleh haiwan. Inti daripada persembahan haiwan ialah penyebaran kekejaman haiwan yang menjadi ciri utama di kebanyakan zoo, taman tema, dan taman laut. Ia adalah kekejaman terhadap haiwan. Banyak negara kini menyertai pengharaman penggunaan haiwan liar dalam persembahan di samping sarkas.

Ahli zoologi Desmond Morris dalam bukunya *Animal Contract* menyatakan bahawa “pengajaran seperti kebun binatang mengajar kita sedikit lebih baik berbanding mesej yang kita perolehi daripada sarkas: haiwan liar ditangkap dan reda untuk keseronokan kita”.

Beliau juga menjelaskan bahawa televisyen membawa haiwan liar dari seluruh dunia ke rumah kita, dengan itu melahirkan seluruh generasi yang membesar dengan kesedaran apakah haiwan liar ini sebenarnya dalam habitat semula jadinya.

Berapa ramai orang yang berpeluang mengunjungi zoo untuk mempelajari mengenai haiwan ‘liar’ yang bosan dalam persekitaran tiruan itu? Orang ramai boleh memperolehi lebih banyak pengetahuan dengan menonton dokumentari seperti yang dipersembahkan oleh Sir David Frederick Attenborough. Jika saintis mahu mengkaji hidupan liar, mereka kini boleh mengesan hidupan liar secara elektronik

dengan menggunakan alatan seperti pengesan sistem kedudukan geo (GPS), kolar penjejakan, dan kamera jarak jauh. Saintis tidak perlu memelihara haiwan dalam zoo untuk memperhatikannya.

Dilaporkan bahawa jumlah kos operasi bulanan Zoo Negara ialah kira-kira RM1 juta dan pandemik menyedarkan kita akan realiti sebenar bahawa kini tiba masanya untuk tidak lagi mewujudkan zoo. Dakwaan menggunakan zoo untuk pemuliharaan dan penyelidikan tidak menyediakan penyelesaian sebenar, terutamanya apabila terdapat pelbagai peralatan elektronik dan peralatan yang boleh didapati bagi tujuan berkenaan.

Memelihara haiwan liar adalah pelanggaran terang-terangan terhadap hak haiwan itu dengan menimbangkan bahawa ia diculik dan dikurung dengan di luar kemahuannya. Pada masa yang sama, usaha kepada keadaan ini samalah seperti manusia menganiaya padanya. Jika ia manusia, ia akan menjadi kes penculikan dan pengurungan.

Kami menggesa pihak berkuasa supaya mempertimbangkan semula pengekal konsep zoo yang kuno ini dalam era di mana dunia dibawa kepada kita melalui alat elektronik peribadi kita.

Di samping itu, zoo dijelaskan dengan betul oleh penulis sebagai “peninggalan masa lalu sikap kejam terhadap haiwan liar”. Apakah tujuan melindungi dan memelihara hidupan liar di zoo apabila habitat semula jadi dicabul dan dieksploitasi? Oleh sebab itu, kami sekali lagi mengulangi gesaan dan pendirian kami bahawa kini tiba masanya untuk tidak lagi membina zoo.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang